

**HUBUNGAN KEPEMIMPINAN PENTADBIR DENGAN IKLIM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH SEMPORNA, SABAH.**

ERNI BINTI LEWA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2009

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Erni Binti Lewa

PT 2007-8106

05 Jun 2009.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Disertasi Hubungan Kepemimpinan Pentadbir Dengan Iklim Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah Daerah Semporna, Sabah disediakan oleh ERNI BINTI LEWA bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.



A handwritten signature in black ink, which appears to read "Mohd Zaki Ishak", is written over a horizontal dotted line.

(Dr Mohd Zaki Ishak)

Penyelia Utama,

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

05 Jun 2009

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **HUBUNGAN KEPEMIMPINAN PENTADBIR DENGAN IKLIM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH
SEMPORNA, SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **ERNI BINTI LEWA**

SESI PENGAJIAN : **2007/2008**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di di dalam AKTA RASMI RAHSIA 1972)

☐

TERHAD

(mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD

JULIZA RAMZI

PUSTAKAWAN KANAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

(**ERNI BINTI LEWA**)



(**DR. MORD ZAKI BIN ISHAK**)

Tarikh : 5 JUN 2009

Tarikh: 25th Julai 2009

CATATAN:- * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini, saya menadah tangan memuji keesaan Yang Maha Kuasa dan bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpahan kurnia-Nya, saya berpeluang menghasilkan penulisan disertasi ini bagi melengkapkan ilmu di dada sekali gus memenuhi sebahagian syarat Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan.

Sememangnya, jasa dan tunjuk ajar yang diberikan oleh penyelia iaitu Yang Berbahagia Dr. Hj Mohd Zaki Ishak adalah satu pengalaman yang sangat berharga. Dengan bimbingan yang tidak berbelah bahagi tanpa mengira masa dan tenaga membolehkan saya terus bermotivasi menghasilkan disertasi ini. Terima kasih Doktor (Dr.) atas segala dorongan.

Sekalung penghargaan turut saya tujukan kepada Pengetua SMK. Datuk Panglima Abdullah, SMK. Tagasan, SMK. Bugaya II, SMK. Abdullah II, SMK. Bum-Bum dan SMK. Kabogan I kerana dengan hati terbuka memberi peluang kepada saya melaksanakan penyelidikan di sekolah tersebut. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada para guru dan rakan sejawat yang sudi bekerjasama menjayakan penyelidikan ini.

Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan khas kepada En. A. Rajesh Adam suami yang setia dan penyayang, putera puteri saya iaitu Aysa Sofea dan Ayman Syah. Sesungguhnya kalian adalah sumber inspirasi dan kekuatan bagi saya merealisasikan impian ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa dan mertua saya yang tercinta kerana turut memberi dorongan dan sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Akhir sekali, semoga segala apa yang telah diusahakan ini akan menjadi panduan kepada warga pendidik dan generasi seterusnya.

Sekian, terima kasih.

ERNI BINTI LEWA
2009

ABSTRAK

HUBUNGAN KEPEMIMPINAN PENTADBIR TERHADAP IKLIM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: SUATU TINJAUAN PERSEPSI GURU SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR SEKITAR DAERAH SEMPORNA, SABAH.

Penyelidikan berfokus kepada kepemimpinan pentadbir iaitu pengetua dan ketua bidang terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan turut melihat perbezaan persepsi dalam kalangan responden berkaitan kepemimpinan pengetua terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan faktor jantina responden, pengalaman mengajar dan bilangan pelajar sekolah. Kerangka kajian yang digunakan adalah berasaskan Model Kepimpinan Pengajaran oleh Halingger dan Murphy (1985). Selain itu, data pula diperoleh melalui soal selidik *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS). Seramai 164 guru daripada enam buah sekolah menengah luar bandar sekitar Daerah Semporna telah dipilih sebagai responden. Data juga dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens menerusi program SPSS Versi 10. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetua dan ketua bidang kerap melaksanakan peranan kepemimpinan pengajaran di sekolah menengah luar bandar. Dalam kepemimpinan ini, pengetua lebih mengutamakan aspek penjagaan masa pengajaran bagi menyokong iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Manakala, ketua bidang pula menekankan aspek menggalakkan kehadiran bagi mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Dapatan turut memperlihatkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi guru terhadap kepemimpinan pengetua terhadap jantina dan pengalaman mengajar responden. Namun, wujud perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan pengetua terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan bilangan pelajar sekolah.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN THE ADMINISTRATOR'S LEADERSHIP WITH TEACHING AND LEARNING CLIMATE AT SEMPORNA, SABAH SECONDARY SCHOOL.

The research focuses on the leadership of the administrators the Principal and Panel Heads in terms of teaching and learning climate. It also take a look at different perceptions among respondent regarding the leadership skills of the principal and teaching and learning environment based on three factors, which are respondent's sex, teaching experience and total school students. The research framework in adapted from the leadership of Teaching Model by Halingger and Murphy (1985). Bordes that the data is obtamed through a questionare, entitled "Principals Instructional Management Rating Scale. A total of 164 teachers from six different rural secondary school in the Semporna district were chosen as respondents. The data is also analyzed the statistical description and statistical inferences of the Version 10 SPSS program. The findings of the research showed that the principal and panel heads often carried out their roles as leaders of teaching in the secondary schools. Under this leadership, the principal emphasizes more on the time factor concerning teaching in order to and or support time factor concerning teaching in order to and or support a more conducive teaching and learning climate. Meanwhile, the panel heads on the other hand emphasized more on encouraging student attendance order to create a conducive teaching and learning climate. The findings also showed that there was no significant difference in teacher perception towards the leadership of the principal against the sex and teaching experience of respondents. However, there was a recorder significant difference between the leadership of the principal against the teaching and learning climate as well as total school students.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
DAFTAR SINGKATAN	xiv

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Masalah Kajian	4
1.4	Tujuan Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Objektif Kajian	7
1.7	Soalan Kajian	7
1.8	Hipotesis Kajian	7
1.9	Batasan Kajian	8
1.10	Definisi Konsep	8
	1.10.1 Konsep Pentadbir	9
	1.10.2 Kepemimpinan Pentadbir	9
	1.10.3 Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	10
	1.10.4 Persepsi Guru	12
	1.10.5 Sekolah Menengah Luar Bandar	13
1.11	Rumusan	13

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.1	Konsep Kepemimpinan	14
2.3	Teori Kepemimpinan Pengajaran dan Pembelajaran	16
	2.3.1 Model Hallinger dan Murphy (1985)	17
2.4	Kepemimpinan Pentadbir Sekolah	19
2.5	Kajian Lepas Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	23
2.6	Rumusan	28

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Populasi Kajian	31
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Instrumen Kajian	32
3.6	Kajian Rintis	34
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	34
3.8	Analisis Data	34
	3.8.1 Analisis Statistik Deskriptif	34
	3.8.2 Ujian Korelasi	35
	3.8.3 Ujian-t dan ANOVA	36
3.9	Prosedur Kajian	37
3.10	Rumusan	37

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	40
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Skala Soal Selidik	
42		
4.3	Profil Responden dan Sekolah	42
	4.3.1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	42
	4.3.2 Responden	43
	4.3.3 Pengalaman Mengajar Responden	44
	4.3.4 Bilangan Pelajar Sekolah	44
4.4	Dapatan Soalan Kajian	45
	4.4.1 Analisis Kepemimpinan Pengetua Terhadap Aspek Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	45
	4.4.2 Analisis Kepemimpinan Ketua Bidang Terhadap Aspek Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	51
	4.4.3 Analisis Statistik Inferens	56
4.5	Rumusan	61

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	64
5.2	Peranan Kepemimpinan Pentadbir Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	64
	5.2.1 Kepemimpinan Pengetua Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	65
	5.2.2 Kepemimpinan Ketua Bidang Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran	68
5.3	Kepemimpinan Pengetua Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina, Pengalaman Mengajar dan Bilangan Pelajar Sekolah	71
5.4	Cadangan	72
5.5	Rumusan	73

BIBLIOGRAFI	74
LAMPIRAN A : Kesahan Soal Selidik	81
LAMPIRAN B : Borang Soal Selidik	82
LAMPIRAN C : Ujian SPSS	87
LAMPIRAN D : Surat Kebenaran	130
LAMPIRAN E : Peta Daerah Semporna	131



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 : Taburan Responden Mengikut Sekolah
- Jadual 3.2 : Kandungan Soal Selidik
- Jadual 3.3 : Interpretasi Skor Min
- Jadual 3.4 : Anggaran Kekuatan Hubungan Antara Dua Pembolehubah
- Jadual 3.5 : Jangka Masa Penyelidikan
- Jadual 4.1 : Min dan Kebolehpercayaan Skala Soal Selidik
- Jadual 4.2 : Taburan Jantina Responden
- Jadual 4.3 : Bilangan Responden Mengikut Sekolah
- Jadual 4.4 : Taburan Pengalaman Mengajar Responden
- Jadual 4.5 : Taburan Bilangan Pelajar Sekolah
- Jadual 4.6 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penjagaan Masa Pengajaran
- Jadual 4.7 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Menggalakkan Kehadiran
- Jadual 4.8 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Sokongan Aktiviti Pengajaran
- Jadual 4.9 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Menggalakkan Profesionalisme
- Jadual 4.10 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Peneguhan Usaha Guru
- Jadual 4.11 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Pemberian Insentif
- Jadual 4.12 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penjagaan Masa Pengajaran
- Jadual 4.13 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Menggalakkan Kehadiran
- Jadual 4.14 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Sokongan Aktiviti Pengajaran
- Jadual 4.15 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Menggalakkan Profesionalisme

- Jadual 4.16 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Peneguhan Usaha Guru
- Jadual 4.17 : Iklim Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Pemberian Insentif
- Jadual 4.18 : Analisis Korelasi Pearson Kepemimpinan Pengetua Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran
- Jadual 4.19 : Analisis Korelasi Pearson Kepemimpinan Ketua Bidang Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran
- Jadual 4.20 : Ujian-t Bagi Skor Min Kepemimpinan Pengetua Berdasarkan Jantina Responden
- Jadual 4.21 : ANOVA Sehalu Kepemimpinan Pengetua Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar
- Jadual 4.22 : ANOVA Sehalu Kepemimpinan Pengetua Terhadap Iklim Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Bilangan Pelajar Sekolah
- Jadual 4.23 : Dapatan dan Keputusan Kajian



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.1 : Kerangka Konseptual Kajian
- Rajah 3.1 : Carta Alir Peringkat Menjalankan Kajian
- Rajah 3.2 : Jangka Masa Penyelidikan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DAFTAR SINGKATAN

JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSR	-	Kemahiran Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PIMRS	-	<i>Principals Instructional Management Rating Scale</i>
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SMK A	-	SMK. Datuk Panglima Abdullah
SMK B	-	SMK. Abdullah 2
SMK C	-	SMK. Bugaya 2
SMK D	-	SMK. Tagasan
SMK E	-	SMK. Bum-Bum
SMK F	-	SMK. Kabogan 1
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang efektif merupakan salah satu cabang kepemimpinan kurikulum yang perlu diberi perhatian dalam kalangan pentadbir sekolah. Walau pun skop kajian ini sering dikaji oleh penyelidik lepas namun, skop kajian yang melibatkan ketua bidang masih kurang diberi penekanan. Wajarnya, skop kajian ini melibatkan pentadbir sekolah yang lain. Di peringkat sekolah amnya, antara lapisan pentadbir ialah Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Penolong Kanan Kokurikulum, Penyelia Petang dan Ketua Bidang kerana semuanya tergolong dalam pemimpin kurikulum secara berperingkat. Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada peranan pengetua dan ketua bidang sebagai pemimpin pengajaran dari aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran. Wajarlah, pengetua dan ketua bidang perlu peka dengan isu kepemimpinan terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran yang harus diamalkan di sekolah. Berdasarkan pemerhatian pengkaji sendiri, terdapat segelintir nama pentadbir terpampang di carta organisasi sahaja sedangkan kepemimpinan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran kurang dititikberatkan walau pun aspek tersebut wajib dilaksanakan sepanjang masa.

Atas sebab itulah, peranan pentadbir sekolah berkaitan isu kajian ini perlu dititikberatkan bukan sahaja di sekolah bandar malah sekolah luar bandar yang perlu perhatian dan menjurus ke arah model kepemimpinan ini. Hal ini kerana wujudnya fenomena iaitu jurang pendidikan yang ketara bagi sekolah bandar dan luar bandar. Buktinya dapat dilihat apabila sekolah menengah luar

bandar sering memperoleh keputusan akademik yang tidak konsisten dari semasa ke semasa. Sedangkan, kita sendiri tahu bahawa iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan berkesan adalah faktor utama bagi menjamin kecemerlangan akademik. Hal ini disokong apabila sebahagian sekolah luar bandar telah menunjukkan prestasi keputusan peperiksaan awam seperti PMR, SPM dan STPM yang kurang memuaskan. Tambahan pula, Datuk Normah Gagoh selaku Pengarah Pelajaran Negeri Sabah pernah mengutarakan isu tentang kepemimpinan segelintir pentadbir di sekolah luar bandar yang jauh ketinggalan dalam mengurus dan mentadbir sekolah dengan berkesan menyebabkan pencapaian akademik sekolah tidak konsisten.

Jelaslah, kekuatan orientasi kepemimpinan terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran yang jelas dan mantap dalam kalangan pentadbir berupaya mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah luar bandar amnya. Justeru, pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran yang termaktub dalam Model Hallinger dan Murphy (1985) berupaya memantapkan pengajaran dan pembelajaran khususnya di sekolah luar bandar sekiranya dipraktikkan secara berterusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tinjauan awal penyelidik berkaitan kedudukan sekolah menengah luar bandar yang terdapat di sekitar Daerah Semporna mendapati sebanyak sembilan buah sekolah menengah yang didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu satu buah sekolah menengah Asrama Penuh dan lapan buah sekolah lagi adalah Sekolah Harian. Berdasarkan jumlah sekolah tersebut, segelintir lapisan pentadbir terdiri daripada pengetua dan ketua bidang yang dilantik masih tidak mempunyai pendedahan tentang kepemimpinan terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran secara khusus.

Lebih jelas lagi sekitar Daerah Semporna, segelintir pengetua yang dilantik hanya berkhidmat antara dua hingga tiga tahun di sekolah tertentu, pertukaran pengetua silih berganti, serta ketua bidang dilantik melalui

perlantikan sekolah menjadi halangan bagi mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Di samping itu, kebanyakan pengetua yang berkhidmat di sekolah menengah luar bandar sekitar Daerah Semporna adalah berasal dari daerah atau negeri lain dan sering membuat permohonan untuk ditukarkan ke tempat asal. Malah, situasi serba kekurangan aspek kemudahan seperti komunikasi, bekalan air dan elektrik juga menjadi salah satu masalah di sekolah menengah luar bandar memperoleh iklim pengajaran dan pembelajaran yang baik. Oleh itu, sekiranya situasi ini berlarutan status sekolah menengah luar bandar sukar mencapai mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang statik dan dinamik.

Tambahan pula, segelintir pentadbir juga memperoleh kenaikan pangkat berdasarkan tempoh perkhidmatan. Sedangkan, kemungkinan besar pentadbir berkhidmat lebih lama sebagai seorang guru penolong. Mungkin juga, segelintir pentadbir pernah mengamalkan kepemimpinan iklim pengajaran dan pembelajaran tetapi tidak menyedari dan memahami bahawa aspek tersebut harus dititikberatkan.

Situasi kepemimpinan berdasarkan pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran adalah satu aspek yang kurang diberi perhatian sepenuhnya di beberapa sekolah luar bandar sekitar Daerah Semporna. Matlamat sekolah iaitu menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif sering diutarakan oleh pentadbir tetapi sejauhmanakah isu tersebut mencapai objektifnya? Sedangkan, apa yang berlaku ialah sebahagian pentadbir dan guru selalunya beranggapan isu tersebut hanya dikaitkan dengan keceriaan sekolah dan kelas, walhal terdapat aspek lain yang perlu dilihat dalam iklim pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuklah penjagaan masa pengajaran, menggalakkan kehadiran, sokongan dalam aktiviti pengajaran, perkembangan profesionalisme, peneguhan usaha guru dan pemberian insentif.

Dari aspek lain, faktor kedudukan sekolah luar bandar yang terletak jauh dengan Pusat Pejabat Pelajaran turut menyukarkan aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran terlaksana dengan jayanya. Situasi yang

berlaku ialah sekolah luar bandar sering ketinggalan dengan arus maklumat apabila sebarang aktiviti yang melibatkan perkembangan profesionalisme keguruan terganggu. Lebih jelas lagi, kadang kala sebarang kursus perkembangan profesionalisme yang dianjurkan oleh kementerian, jabatan atau pihak lain tidak dapat diikuti oleh guru sekolah luar bandar kerana perhubungan komunikasi yang tidak berjalan lancar seperti kelewatan menerima surat kursus atau taklimat, dan kerosakan kemudahan telefon serta faksimili. Selain itu, sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik turut mengganggu suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Tuntasnya, perkara yang penting ialah pengetua dan ketua bidang perlu memainkan peranan penting dan bertindak aktif bagi mewujudkan sekolah yang berkesan dengan mementingkan aspek pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran. Apatah lagi, sekolah akan mengalami kepincangan tanpa pentadbir yang cekap, dan cemerlang.

1.3 Masalah Kajian

Pengetua dan ketua bidang seharusnya didedahkan dengan kepemimpinan berfokus kepada iklim pengajaran dan pembelajaran yang mantap bagi mewujudkan keberkesanan pengajaran serta pemantapan bidang profesionalisme keguruan di sekolah. Secara tidak langsung, kepemimpinan yang dimiliki pengetua dan ketua bidang akan dapat dikongsi bersama staf sekolah bagi mewujudkan suasana iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Tetapi situasi yang ketara berlaku ialah kepemimpinan ketua bidang khususnya terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran masih kurang efektif kerana sebahagian besar ketua bidang tidak mempunyai pendedahan yang mendalam berkaitan iklim tersebut. Pengkaji turut melihat bahawa terdapat masalah lain turut berlaku apabila kepemimpinan iklim pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pengetua dan ketua bidang kadang kala dipersoalkan oleh '*stakeholders*' khususnya di Daerah Semporna. Misalnya, terdapat sebilangan kecil guru yang tidak menjalankan tugas sebagai guru iaitu

mengajar di kelas pada waktu yang ditetapkan menyebabkan masa pengajaran dan pembelajaran terbazir begitu sahaja. Jelaslah, pengetua dan ketua bidang perlu berperanan memastikan penjagaan masa pengajaran dan pembelajaran dipatuhi oleh guru. Malah, penglibatan pengetua dan ketua bidang yang kurang efektif turut berlaku apabila pelbagai masalah pengajaran dan pembelajaran timbul sepanjang tahun seperti kekurangan bahan sokongan pengajaran iaitu buku teks, alat kelengkapan mengajar, kemudahan ICT atau buku-buku rujukan.

Pada masa yang sama, segelintir pengetua dan ketua bidang kurang memiliki pengetahuan dan kepakaran berkaitan tentang kepemimpinan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, sebahagian besar pengetua dan ketua bidang dilantik berdasarkan tempoh perkhidmatan dan bukannya berpandukan pengetahuan kepemimpinan yang dimiliki. Walaupun pelbagai kursus perkembangan profesionalisme sering dianjurkan oleh kementerian dan jabatan, namun kursus tersebut lebih berfokus kepada pengetua sahaja. Sedangkan ketua bidang jarang sekali dipelawa untuk menghadiri kursus berkaitan kepemimpinan. Situasi lain yang turut berlaku di sekolah menengah luar bandar ialah walau pun kepemimpinan pengetua dan ketua bidang dilaksanakan dalam mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, tetapi masih terdapat jurang pendidikan yang ketara berbanding sekolah bandar. Situasi sedemikian menjadi penyumbang kepada kelunturan kepemimpinan dalam kalangan ketua bidang.

Pengetua dan ketua bidang yang efektif berupaya meningkatkan kualiti pendidikan bukan sahaja dari aspek kurikulum malah aspek kokurikulum turut dititikberatkan sejak kebelakangan ini. Wajarlah juga, pengetua dan ketua bidang harus sentiasa memastikan guru menghasilkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di sekolah luar bandar. Atas sebab itulah, sekolah luar bandar khususnya perlu memiliki pengetua dan ketua bidang yang memahami orientasi kepemimpinan terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran secara mendalam.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah melihat hubungan kepemimpinan pentadbir iaitu pengetua dan ketua bidang yang berkhidmat di sekolah menengah luar bandar terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran. Aspek tersebut merujuk kepada Model Pengajaran dan Pembelajaran Hallinger dan Murphy (1985) iaitu menyentuh aspek penjagaan masa pengajaran, menggalakkan kehadiran, sokongan dalam aktiviti pengajaran, peneguhan kepada usaha guru, menggalakkan perkembangan profesionalisme, dan pemberian insentif.

1.5 Kepentingan Kajian

Fokus kajian ini tertumpu kepada permasalahan yang dihadapi sekolah berkaitan kepemimpinan pentadbir iaitu pengetua dan ketua bidang terhadap iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah luar bandar. Oleh hal demikian, kajian ini menjadi refleksi kepada pentadbir sekolah tentang kepentingan kepemimpinan iklim pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dilihat apabila pengetua dan ketua bidang lebih berkeyakinan membuat penambahbaikan mutu pendidikan dan mengamalkan budaya kerja yang cemerlang khususnya terhadap iklim tersebut. Malah, pihak pentadbir akan mengenal pasti peranan yang perlu dimainkan bagi membimbing serta menyokong guru melaksanakan tugas melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Di samping itu, agensi lain seperti Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dapat menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan serta formula untuk memantapkan pengurusan kepemimpinan pentadbir serta meningkatkan kualiti pendidikan. Pada masa yang sama, guru lebih terdedah dengan peranan pengetua dan ketua bidang dalam kepemimpinan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah luar bandar amnya.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah bagi melihat persepsi guru terhadap hubungan kepemimpinan pentadbir terhadap elemen pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah luar bandar. Lantaran itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti hubungan antara kepemimpinan pengetua dengan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran.
2. Menenal pasti hubungan antara kepemimpinan ketua bidang dengan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran.
3. Menenal pasti perbezaan kepemimpinan pengetua terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan faktor jantina, pengalaman mengajar dan bilangan pelajar sekolah.

1.7 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, soalan-soalan kajian yang ingin dicungkil permasalahannya adalah seperti berikut:

1. Apakah terdapat hubungan antara kepemimpinan pengetua dengan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran?
2. Apakah terdapat hubungan antara kepemimpinan ketua bidang dengan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran?
3. Apakah terdapat perbezaan antara kepemimpinan pengetua terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan faktor jantina, pengalaman mengajar dan bilangan pelajar sekolah?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah suatu pernyataan yang mana kebenarannya ingin diuji. Jack & Norman, 1996 (dalam Sidek Mohd Noah, 2003) menjelaskan bahawa hipotesis adalah suatu ramalan atau pernyataan tentang keputusan atau hasil dapatan yang dijangka akan diperoleh. Dalam situasi ini, hipotesis yang dibentuk untuk kajian ini adalah:

- H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan pengetua dengan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran.
- H₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan ketua bidang dengan aspek iklim pengajaran dan pembelajaran.
- H₀₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan pengetua terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan faktor jantina.
- H₀₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan pengetua terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar.
- H₀₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan pengetua terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran berdasarkan bilangan pelajar sekolah.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian yang ingin melihat persepsi guru berkaitan kepemimpinan pengetua dan ketua bidang yang sedang berkhidmat di sekolah antara bulan Mei 2008 hingga Mei 2009. Malah, aspek kepemimpinan pentadbir yang dinilai berfokus kepada aspek iklim pengajaran dan pembelajaran. Jumlah sekolah yang telah dipilih adalah sebanyak enam buah sekolah menengah luar bandar sekitar Daerah Semporna yang mana bilangan sampel bagi menjayakan kajian ini mencapai tahap 35% daripada populasi atau jumlah guru sebuah sekolah. Sampel tidak melibatkan pengetua, penolong-penolong kanan, penyelia petang dan ketua bidang bagi semua sekolah yang terpilih.

1.10 Definisi Konsep

Kajian ini menggunakan beberapa istilah atau konsep yang perlu ditakrifkan termasuklah konsep pentadbir, orientasi kepemimpinan, aspek iklim pengajaran dan pembelajaran, persepsi guru dan sekolah menengah luar bandar.

1.10.1 Konsep Pentadbir

Dalam kajian ini, pentadbir merujuk kepada pengetua dan ketua bidang yang berkhidmat di sekolah menengah luar bandar. Oleh itu, kepemimpinan pengetua dan ketua bidang ini dikaitkan dengan iklim pengajaran dan pembelajaran. Pengetua dan ketua bidang yang terdapat di sekolah menengah luar bandar ini tidak terlepas daripada tanggungjawab mengelola dan mengurus sekolah. Situasi ini dapat dilihat apabila kedua-dua pentadbir ini bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan semua aspek iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing. Tanpa rancangan yang teliti dan penyelarasan yang tidak sistematik akan menyukarkan pentadbir mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Atas sebab itulah, pengetua dan ketua bidang seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran memimpin terhadap aspek iklim pengajaran dan pembelajaran yang terangkum dalam Model Hallinger & Murphy (1985). Sekiranya pengetua dan ketua bidang menjadi pemimpin yang cemerlang, sekolah berupaya mewujudkan suasana iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan organisasi mencapai kecemerlangan akademik sekali gus memantapkan profesionalisme keguruan amnya.

1.10.2 Kepemimpinan Pentadbir

Kajian ini melihat kepemimpinan pentadbir dalam beberapa bahagian iaitu sokongan, penyelarasan, pengagihan dan pengarahan serta unsur kebajikan. Orientasi kepemimpinan sokongan berfokus kepada keupayaan pengetua dan ketua bidang memberi sokongan atau motivasi kepada guru di bawah jagaannya. Aspek sokongan ini turut melibatkan kemampuan pengetua dan ketua bidang memperoleh sokongan daripada pihak tertentu. Umumnya, sokongan ini penting bagi membantu pengetua dan ketua bidang mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang baik.

Manakala, kepemimpinan pengetua dan ketua bidang juga perlu memperlihatkan kebijaksanaannya dalam menyelaraskan tugas yang diberi kepada

guru. Penyelarasan tersebut termasuklah memastikan guru mempunyai tugas yang seimbang dan melaksanakan '*core business*' dan program yang telah dirancang kerana tanpa penyelarasan pertindihan dan ketidakseimbangan tugas akan wujud. Misalnya, jadual mengajar yang seimbang adalah satu isu yang perlu diberi perhatian oleh pengetua dan ketua bidang.

Pada masa yang sama, kepemimpinan pengetua dan ketua bidang harus memperlihatkan kemahiran atau kemampuannya dalam mengarah guru di bawah jagaannya. Tanpa komunikasi yang berkesan dan hubungan yang tidak baik mampu menjejaskan pentadbir dalam mengarahkan suatu tugas kepada guru. Hakikatnya, arahan yang jelas dan berkesan antara pentadbir dan guru memudahkan iklim pengajaran dan pembelajaran wujud secara kondusif.

Pengetua dan ketua bidang juga perlu prihatin terhadap persekitaran lain termasuklah mementingkan kebajikan warga sekolah iaitu guru, staf dan pelajar bagi menyokong iklim pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya nilai kemanusiaan yang menjadi prinsip pengetua dan ketua bidang, sudah pasti sebarang masalah berkaitan kebajikan dapat diminimumkan bagi membantu guru dan pelajar terus bermotivasi berada di sekolah amnya.

1.10.3 Iklim Pengajaran dan Pembelajaran

Konsep iklim pengajaran dan pembelajaran sentiasa menekankan aspek-aspek sekolah yang membentuk tingkah laku dan sikap guru serta pelajar ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, iklim pengajaran dan pembelajaran juga dikaitkan dengan kualiti persekitaran yang dialami oleh guru dan pelajar sehingga mampu mempengaruhi tingkah laku. Dalam kajian ini, kepemimpinan iklim pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada penjagaan masa pengajaran, sokongan dalam aktiviti pengajaran, pemberian peneguhan terhadap usaha guru, menggalakkan perkembangan profesionalisme, menggalakkan kehadiran dan pemberian insentif.